

Kursi Islam Hadhari di Universiti Beirut

UM-17/10/2006

SUBANG 16 Okt. – Malaysia bersedia mewujudkan sebuah kursi Islam Hadhari di Universiti Beirut, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, cadangan itu diutarakan oleh Perdana Menteri Lebanon, Fouad Siniora semasa pertemuan di Jeddah, semalam.

“Kewujudan kursi ini adalah ekoran daripada kurangnya pemahaman mengenai Islam di kalangan masyarakat dunia serta isu kelemahan dari segi ekonomi dan pembangunan yang tidak begitu hebat di negara Islam.

“Sehubungan itu, Siniora mencadangkan supaya satu pendekatan melalui kaedah Islam Hadhari diperkenalkan untuk menjayakan pembangunan di negara Islam tanpa melanggar akidah, seterusnya bagi melaksanakannya, sebuah kursi Islam Hadhari di Universiti Beirut akan diadakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar setibanya dari mengerjakan umrah di Pangkalan Tentera Udara Diraja

Kewujudan kursi ini adalah ekoran daripada kurangnya pemahaman mengenai Islam di kalangan masyarakat dunia serta isu kelemahan dari segi ekonomi dan pembangunan yang tidak begitu hebat di negara Islam

Malaysia (TUDM), hari ini.

Abdullah tiba di Pangkalan TUDM pada pukul 2.50 petang setelah mengerjakan umrah di Mekah selama lima hari.

Pemergian beliau turut diiringi ahli-ahli keluarga terdekat.

Menurut Abdullah, Siniora juga mengharapkan supaya Malaysia menambah bilangan tentera yang sekarang berjumlah 360 untuk dihantar ke Lebanon.

“Bilangan itu sedikit, mereka mengharap kita menghantar lebih, bukan kita tidak mahu hantar lebih, ini keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB).

“Saya telah jelaskan mengenainya dan PBB bersetuju pada masa hadapan sekiranya ada penambahan bilangan tentera di Lebanon, kita sedia menghantarnya,” jelasnya.

Siniora turut membincangkan mengenai persidangan di Paris Januari tahun depan yang berkaitan dengan Lebanon dan usaha-usaha untuk membangunkan negara itu.

“Persidangan Paris itu akan melibatkan kehadiran pemimpin dunia peringkat tertinggi dan semua negara anggota

FOUAD SINIORA
Perdana Menteri
Lebanon

tetap Majlis Keselamatan PBB dan akan dipengerusikan oleh Presiden Perancis, Jacques Chirac,” katanya.

Semasa mengerjakan umrah, Abdullah turut menerima kunjungan Presiden Gabenor Bank Pembangunan Islam (IDB), Dr. Ahmad Mohamed Ali.

Pada pertemuan itu, Ahmad telah memberi laporan cadangan perbankan Islam di kalangan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan takaful.

“Ahmad turut menyatakan untuk bekerjasama dengan bank-bank di Malaysia untuk memajukan perbankan Islam dan menghantar eksekutif perbankan di institut perbankan Islam di negara kita,” katanya.

Semasa di Mekah, Perdana Menteri turut dijemput berbuka puasa bersama Raja Arab Saudi, Raja Abdullah.

“Selepas berbuka puasa, saya dan Raja Abdullah telah mengadakan perbincangan selama setengah jam mengenai isu-isu perpaduan umat Islam, isu Iraq dan Palestin,” katanya.